

## KEBERKESANAN POSTER TERHADAP PEMBENTUKAN PERENGGAN KARANGAN DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Nornazirah Md Hashim<sup>i</sup> & Jamaludin Bduzah<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Pengarang Bersama*). Pelajar Sarjana, Fakulti Pendidikan, UKM. naziramhashim07@gmail.com

<sup>ii</sup> Pensyarah, Fakulti Pendidikan, UKM. jhb@ukm.edu.my

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan poster terhadap kemahiran menulis karangan dari segi pembentukan perenggan. Kajian ini berbentuk kajian eksperimen yang dilakukan di sebuah sekolah menengah harian biasa, daerah Ledang. Seramai 40 orang pelajar telah dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu 20 orang pelajar terdiri daripada kumpulan kawalan, manakala 20 orang pelajar pula terdiri daripada kumpulan eksperimen. Instrumen kajian ini menggunakan set soalan penulisan karangan yang telah digubal untuk kedua-dua kumpulan bagi ujian pra dan ujian pasca. Data diperolehi dengan menggunakan ujian-t dua sampel dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science* (SPSS 22.0). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran menulis karangan dari segi pembentukan perenggan karangan dalam kalangan pelajar bagi ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dengan nilai- $t$  (38)=0.17,  $p>0.05$ . Selepas rawatan diberikan, terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran menulis karangan dari segi pembentukan perenggan karangan dalam kalangan pelajar bagi ujian pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dengan nilai- $t$  (38)=-11.49,  $p<0.05$ . Dapatan kajian membuktikan bahawa penggunaan elemen poster semasa proses pengajaran penulisan karangan dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar terhadap kemahiran menulis karangan dari segi pembentukan perenggan. Implikasi penerapan elemen poster sebagai strategi pembelajaran berpusatkan bahan dapat mendorong pelajar untuk menguasai kemahiran menulis karangan dengan lebih baik dan tersusun malah pelajar mampu untuk menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti dari segi pembentukan perenggan serta mempunyai pautan idea untuk diolah bagi membentuk ayat yang gramatis dan lengkap.

*Kata Kunci: penggunaan poster, kemahiran menulis, pembentukan perenggan, peningkatan pencapaian, penulisan karangan*

### 1.0 PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, sistem pendidikan di Malaysia bukan sahaja bersaing mengeluarkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani malah negara kita juga memerlukan pengeluaran pelajar yang berupaya menguasai kemahiran menulis dengan baik. Ini diperjelaskan oleh Anthony dan Yahya (2017) menginginkan modal insan yang mempunyai daya pemikiran aras tinggi serta kreatif dan kritis dalam segala bidang terutama berkaitan dengan kemahiran berbahasa seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Selain itu, Chew dan Rusdiani (2013) menjelaskan kemahiran menulis karangan akan mudah disampaikan dengan penggunaan media massa sebagai suatu alternatif baru kepada guru untuk mempelbagaikan teknik, strategi, kaedah atau pendekatan semasa PdPc bahasa Melayu. Jika dilihat, penggunaan media massa bukan sahaja bertugas sebagai suatu elemen tambahan dalam kemahiran menulis malah ianya akan mendorong untuk guru dan pelajar memperoleh maklumat dari semasa ke semasa serta dapat meningkatkan pengetahuan mereka seperti penggunaan iklan, poster, risalah, akhbar dan seumpamanya. Hal ini turut dibangkitkan dalam (KPM 2003b) iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mewajibkan para guru mengambil kira media massa seperti penggunaan iklan, poster, risalah, akhbar dan setanding dengannya sebagai bahan bantu mengajar atau bahan ilmu dalam kemahiran menulis semasa proses pengajaran penulisan karangan.

Selari dengan masyarakat yang tinggi tamadunnya, sistem pendidikan di Malaysia pada hari ini bukan sahaja melibatkan proses mengambil input semata-mata malah Mahzan (2003) turut berpandangan sistem pendidikan kini memerlukan pelajar mengaplikasikan proses pengajaran dalam kehidupan seharian. Hal ini turut bersangkut paut dengan pendapat daripada Zuraini dan Abdul Rasid Jamian (2014) iaitu kemahiran berbahasa seperti kemahiran menulis dan ilmu yang dipelajari melalui penggunaan media massa mestilah selari dengan situasi yang dialami oleh pelajar itu sendiri serta akan menjurus kepada matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menanamkan hasrat untuk menghasilkan insan yang berkualiti. Justeru, jelaslah menunjukkan bahawa penggunaan media massa seperti poster atau iklan sebagai elemen utama dalam kemahiran menulis semasa proses penulisan karangan dapat menjadikan sebahagian daripada strategi, kaedah, teknik atau pendekatan yang baharu dalam PdPc bahasa Melayu. Bahagian seterusnya akan membincangkan dengan lebih lanjut berkaitan penggunaan media massa iaitu poster sebagai elemen utama dalam bahan bantu mengajar penulisan karangan dan memperlihatkan keberkesanan medium tersebut terhadap kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar terutamanya membantu mereka membentuk perenggan yang mempunyai pautan setiap isi.

### **1.1 Pernyataan Masalah**

Sistem pendidikan di Malaysia kini amat menitikberatkan dan memandang serius kemahiran berbahasa dalam proses pembelajaran terutama dalam kemahiran menulis. Ini ditegaskan dalam dapatan kajian daripada Noor Habsah dan Yahya (2018) iaitu melihat kemahiran menulis merupakan elemen yang terpenting dalam PdPc bahasa Melayu malah kemahiran ini juga seharusnya dikuasai sepenuhnya oleh pelajar bagi memantapkan lagi kemahiran tersebut untuk menghurai dan menyusun idea-idea dengan tepat dan betul dalam penulisan karangan sehingga membentuk perenggan dengan baik. Namun begitu, masih wujud permasalahan dalam kalangan pelajar semasa PdPc penulisan karangan sehingga mereka sukar untuk menghasilkan sebuah karangan yang bermutu tinggi terutama dari segi pembentukan perenggan.

Antara permasalahan yang timbul adalah sikap pelajar yang terlalu bergantung kepada bahan yang disediakan oleh guru sepanjang PdPc penulisan karangan. Che Zanariah dan Fadzilah (2011) dalam kajian mereka melihat sikap pelajar yang lebih kepada pembelajaran berpusatkan guru akan mengalami kesukaran untuk membentuk perenggan dengan baik dan tersusun malah penghuraian isi atau idea serta diikuti dengan pengolahan kosa kata bagi menghasilkan ayat yang gramatis dan lengkap juga tidak akan mencapai tahap yang memuaskan semasa proses pengajaran penulisan karangan. Ini akan mempengaruhi tahap pencapaian dan penguasaan mereka dalam PdPc penulisan karangan. Selain itu, pelajar juga mengalami permasalahan berkaitan ketidakcepan mereka menulis pendahuluan dengan baik dan jelas sehingga ada dalam kalangan mereka yang tersasar daripada tajuk atau kehendak soalan. Hal ini disebabkan oleh mereka kurang memahami isu berkaitan dengan tajuk karangan yang diberikan oleh guru dengan jelas dan teliti sehingga memberi kesan terhadap pembentukan perenggan dengan baik serta memberi kesan terhadap tahap pencapaian mereka semasa PdPc penulisan karangan. Permasalahan ini pernah dibahaskan oleh Nawawi (2006) iaitu pelajar yang lemah untuk menulis pendahuluan akan memperlihatkan bahagian tersebut tiada pautan dengan perenggan isi malah akan mengakibatkan wujudnya ketidakseragaman antara tajuk dengan isi.

Di samping itu, pelajar juga dilihat lemah untuk mengolah isi atau idea semasa PdPc penulisan karangan. Permasalahan ini turut diperjelaskan dalam kajian Anthony dan Yahya (2017) iaitu segelintir pelajar masih lemah untuk mengolah atau mengembangkan isi dan idea sehingga mempamerkan ketidakrevelan isi dengan tajuk tugas semasa PdPc penulisan karangan. Permasalahan ini memperlihatkan ketidakmatangan pelajar semasa menghuraikan isi atau idea sehingga ada dalam kalangan mereka yang menyatakan isi secara bertindan bagi setiap perenggan. Lantas, permasalahan tersebut memaparkan setiap perenggan tidak tersusun dengan sempurna bagi setiap isi. Tambahan pula, pelajar turut dilihat terlalu sukar untuk mengembangkan idea semasa PdPc penulisan karangan sehingga menampakkan sebuah

karangan yang tidak lengkap dari segi perenggan, isi, kosa kata dan penggunaan ayat yang gramatis dan lengkap. Hal ini disebabkan oleh mereka dilihat kekurangan idea untuk dihubungkan dengan tajuk karangan yang diberikan oleh guru terutamanya tajuk yang berkaitan dengan isu-isu semasa. Permasalahan ini pernah dinyatakan dalam Sahlan et al. (2013) iaitu karangan yang dihasilkan oleh pelajar akan memperlihatkan ketidakserasian antara idea dengan tajuk karangan yang diberikan oleh guru sehingga menampakkan mereka sukar membahaskan idea tersebut menjadi sebuah karangan yang baik dan lengkap. Permasalahan sedemikian akan memberi impak terhadap mereka untuk membentuk sebuah perenggan dengan baik semasa PdPc penulisan karangan. Justeru, berdasarkan permasalahan tersebut dapatlah dilihat bahawa penguasaan kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar perlulah disusuli dengan teknik, kaedah, pendekatan atau strategi pembelajaran yang baharu oleh guru. Ini bagi membolehkan setiap pelajar mampu untuk menghasilkan sebuah karangan yang lengkap dari segi pembentukan perenggan pendahuluan dan isi yang saling mempunyai pautan. Bahkan, mendorong mereka untuk mempelbagaikan pengolahan isi dan kosa kata bagi membentuk ayat yang gramatis dan lengkap semasa proses pengajaran penulisan karangan bagi setiap perenggan.

## **2.0 ULASAN KEPUSTAKAAN**

### **2.1 Konsep Kemahiran Menulis**

Kemahiran menulis merupakan suatu kemahiran yang penting semasa proses pengajaran. Seseorang yang memiliki tahap kemahiran menulis yang tinggi dapat memudahkan mereka untuk menyampaikan sesuatu maklumat dengan jelas dan tepat. Terdapat beberapa pendapat daripada sarjana yang memerihalkan mengenai konsep kemahiran menulis karangan dengan betul dan teliti. Antara konsep kemahiran menulis karangan yang diperjelaskan oleh Husin dan Nazariyah (2012) ialah mereka melihat kemahiran menulis ini merupakan suatu proses untuk merakam atau menghasilkan bahan-bahan yang berbentuk idea, pendapat, pengalaman, perasaan dan maklumat yang kemudiannya akan diterjemahkan dalam bentuk tulisan. Proses menulis biasanya akan membantu seseorang terutama pelajar untuk menulis ayat ataupun perkataan dengan betul dan tepat serta menyampaikan makna kepada pembaca. Selain itu, Abdul Ghani (2016) turut memberi takrif konsep kemahiran menulis iaitu beliau menyifatkan kemahiran tersebut sebagai suatu kemahiran berbahasa yang akan menjadi teras kepada penguasaan bahasa baku. Malahan, beliau turut menjelaskan bahawa kemahiran menulis turut terkandung beberapa aspek seperti kebahasaan, keindahan serta kehalusan bahasa itu sendiri apabila seseorang mengaplikasikan kemahiran tersebut dalam bentuk tulisan.

Di samping itu, kemahiran menulis mampu untuk meningkatkan tahap keupayaan meta kognisi pelajar dengan lebih berkesan dan efektif. Kenyataan ini dinyatakan dengan jelas oleh Noor Habsah dan Yahya (2018) iaitu kemahiran menulis sememangnya mempunyai perkaitan dengan tahap keupayaan pelajar bagi memudahkan mereka menulis setiap perkataan dan ayat yang gramatis mengikut hukum-hukum dalam penulisan. Ini akan membantu pelajar untuk menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik dan lengkap serta mampu menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti. Justeru, setiap pelajar seharusnya ditekankan dengan kemahiran menulis dengan betul dan tepat bagi membolehkan mereka bukan sahaja menguasai proses pengajaran di dalam kelas bahkan turut menguasai kemahiran berbahasa dengan lebih efektif dan efisien. Namun, sebelum mereka menguasai kemahiran menulis, mereka perlulah memahami konsep menulis terlebih dahulu dengan teliti supaya memudahkan dan melancarkan proses pengajaran terutama semasa PdPc penulisan karangan.

### **2.2 Poster sebagai Pembelajaran Berpusatkan Bahan**

Sistem pendidikan di Malaysia pada masa kini lebih menekankan guru untuk mencari kepelbagaian dalam strategi, kaedah, pendekatan atau teknik yang baru bagi memudahkan PdPc dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini akan menghubungkan penggunaan poster sebagai suatu alat bantu mengajar dalam PdPc

penulisan karangan atau lebih tepat sebagai pembelajaran yang berpusatkan bahan. Menurut Zamri (2014), bahan bantu mengajar tergolong kepada dua bahagian iaitu bahan pengajaran terdiri daripada bahan yang digunakan oleh guru manakala bahan pembelajaran pula merupakan bahan yang disediakan untuk kegunaan pelajar. Selain itu, Noriati et al. (2015) turut mentakrifkan pembelajaran berpusatkan bahan dalam PdPc sebagai usaha guru dalam mengaplikasikan bahan-bahan seperti buku, bahan lukisan, gambar dan sebagainya untuk melaksanakan pengajaran di dalam kelas dapat dilakukan dengan lancar dan sistematik. Misalnya, penggunaan bahan bantu mengajar seperti poster, gambar, peta, carta dan seumpamanya menurut Noriati et al. (2015) dapat membantu pelajar memahami dengan lebih jelas idea yang ingin diketengahkan. Hal ini memaparkan gambar yang besar dan berwarna-warni dapat mencuri tumpuan pelajar serta akan memudahkan pelajar untuk mengingat idea utama yang ingin dikemukakan.

Di samping itu, Adenan dan Khairuddin (2012) melihat pembelajaran berpusatkan bahan seperti penggunaan poster perlulah bersesuaian dengan aktiviti yang dilaksanakan di dalam kelas atau isi kandungan yang terdapat dalam poster tersebut perlulah bertepatan dan berkait rapat dengan topik yang hendak diajarkan. Ini kerana, bahan pengajaran tersebut akan membantu guru untuk menyampaikan konsep utama berkaitan penulisan karangan dengan lebih mudah, tepat dan pantas serta pelajar juga turut memperoleh manfaatnya iaitu mereka dapat mempelajari sesuatu konsep berdasarkan tajuk karangan yang diberikan oleh guru dengan lebih mantap, penuh minat dan lebih kekal dalam ingatan bagi membantu pelajar mengolah idea atau isi dengan lebih mudah. Justeru, jelaslah bahawa penggunaan poster semasa proses pengajaran penulisan karangan dilihat selaras dengan prinsip-prinsip pedagogi, memberikan maklumat terkini kepada pelajar, mudah untuk diperolehi, digunakan, di selenggara, dapat digunapakai oleh guru berulang kali dalam situasi yang berlainan serta terdapat kelenturan dan fleksibiliti yang kukuh. Ini turut membantu pelajar menulis karangan dengan baik dan tersusun dari aspek pengolahan isi atau idea yang mempunyai tautan setiap perenggan serta selari dengan tajuk karangan.

### **3.0 TUJUAN**

Kajian ini dilakukan untuk melihat keberkesanan elemen poster semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan PdPc penulisan karangan terhadap aspek pembentukan perenggan dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

### **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif secara kajian eksperimen. Kajian eksperimen menurut Ghazali dan Sufean (2016) memperlihatkan reka bentuk kuantitatif yang digunakan untuk menguji perbandingan atau perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan (kumpulan eksperimen) dengan kumpulan kawalan. Kajian ini juga merupakan kajian empirikal yang memerlukan satu kaedah yang khusus bagi menjawab setiap persoalan kajian yang telah dinyatakan. Selain itu, kajian ini mengaplikasikan kajian eksperimen iaitu sampel kajian akan dibahagikan kepada dua kumpulan. Pada awalnya, kedua-dua kumpulan akan diberikan ujian bagi memperlihatkan pembentukan perenggan dan tahap pencapaian dalam kemahiran menulis karangan yang dikenali sebagai ujian pra. Setelah itu, kedua-dua kumpulan akan melalui ujian pasca iaitu bagi kumpulan kawalan akan menggunakan kaedah konvensional semasa proses pembelajaran penulisan karangan. Manakala bagi kumpulan rawatan akan menggunakan poster semasa proses pembelajaran penulisan karangan. Pengkaji akan mencatatkan tahap pencapaian berdasarkan ujian pasca yang diperolehi daripada kedua-dua kumpulan bagi memperlihatkan kaedah pengajaran yang berkesan semasa PdPc penulisan karangan terutamanya dalam aspek pembentukan perenggan.

Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah menengah harian biasa daerah Ledang, Tangkak, Johor Darul Takzim dengan melibatkan seramai 40 orang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah daerah Ledang. 40 orang pelajar tersebut kemudiannya akan dipecahkan untuk dijadikan dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Bagi instrumen set soalan ujian, pengkaji mendapatkan bantuan dan berbincang bersama-sama dengan Ketua Panitia Bahasa Melayu serta guru-guru bahasa Melayu di sekolah tersebut untuk menggubal dan membuat set soalan mengikut format SPM.

Instrumen ini adalah untuk mengukur tahap kefahaman, pengetahuan dan penguasaan sampel kajian terhadap sesuatu penulisan karangn yang menjurus kepada keupayaan kognitif, psikomotor dan efektif. Berdasarkan instrumen set soalan ujian tersebut, pengkaji melihat kepada pembentukan perenggan dan tahap pencapaian bagi penguasaan sampel kajian terhadap keberkesanan kaedah pembelajaran yang diaplikasikan semasa PdPc penulisan karangan. Data dianalisis menggunakan statistik inferensi iaitu menerapkan ujian-T dua sampel yang bertujuan untuk menguji hipotesis kajian berkaitan keberkesanan penggunaan poster terhadap pembentukan perenggan semasa kemahiran menulis karangan dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada dua kumpulan pelajar. Setiap data yang diperoleh daripada statistik inferensi akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistic Package for the Social Science (SPSS 22.0)* bagi memudahkan setiap data diperoleh dengan tepat dan teliti.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian bertujuan untuk menjawab hipotesis kajian iaitu sejauh mana keberkesanan elemen poster dapat membantu pelajar membentuk perenggan dengan baik dan tersusun serta meningkatkan tahap pencapaian pelajar semasa PdPc penulisan karangan. Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang telah dilakukan kepada sampel kajian iaitu berdasarkan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar Terhadap Pembentukan Perenggan semasa Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas Mengikut Kumpulan dalam Ujian Pra.

Ho 1 : tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan semasa ujian pra.

**Jadual 1.** Ujian-t sampel bebas tahap pencapaian pelajar mengikut kumpulan berdasarkan ujian pra.

Jenis Ujian	Jenis Kelas	N	Min	SP	df	t	sig.
Pra	Kumpulan kawalan	20	54.50	5.24	38	0.17	0.86
	Kumpulan rawatan	20	54.20	5.57			

Dapatan kajian dalam Jadual 1 menunjukkan bahawa skor min ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 54.50 dan sisihan piawai 5.24, manakala skor min bagi kumpulan rawatan ialah 54.20 dan sisihan piawai 5.57 dengan nilai- $t(38) = 0.17$ ,  $p > 0.05$ . Keputusan menunjukkan nilai signifikan 0.86 lebih besar dari aras signifikan 0.05. Oleh demikian, tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min tahap pencapaian pelajar terhadap pembentukan perenggan semasa kemahiran menulis karangan dalam ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Oleh itu, hipotesis nul 1 diterima. Hal ini bermakna, penggunaan pendekatan konvensional semasa proses pengajaran tidak dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar terutama dari segi pembentukan perenggan dalam PdPc penulisan karangan bagi kedua-dua kumpulan pelajar.

Perbezaan Tahap Pencapaian Pelajar Terhadap Pembentukan Perenggan semasa Kemahiran Menulis Karangan Berdasarkan Ujian-t Sampel Bebas Mengikut Kumpulan dalam Ujian Pasca

**Jadual 2.** Ujian-t sampel bebas tahap pencapaian pelajar mengikut kumpulan berdasarkan ujian pasca.

Jenis Ujian	Jenis Kelas	N	Min	SP	df	t	sig.
Pasca	Kumpulan kawalan	20	60.75	3.64	38	-11.49	0.00
	Kumpulan rawatan	20	77.95	5.61			

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 2 didapati bahawa skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 60.75 dan sisihan piawai 3.64, manakala min skor bagi kumpulan rawatan ialah 77.95 dan sisihan piawai 5.61 dengan nilai- $t(38) = -11.49, p < 0.05$ . Keputusan menunjukkan nilai signifikan 0.00 lebih kecil dari aras signifikan 0.05. Oleh demikian, terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min tahap pencapaian pelajar terhadap kemahiran menulis karangan dalam aspek pembentukan perenggan semasa ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Oleh itu, hipotesis nul 2 ditolak. Hal ini bermakna, penerapan elemen poster semasa proses pengajaran dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam PdPc penulisan karangan bagi kumpulan rawatan terutama dari segi pembentukan perenggan.

## 6.0 PERBINCANGAN

Strategi pembelajaran berpusatkan bahan merupakan langkah utama yang perlu dititikberatkan oleh guru semasa proses pengajaran di dalam kelas. Guru perlulah lebih bersedia untuk mencari kepelbagaian idea dan inovasi untuk mencari bahan yang boleh diaplikasikan di dalam kelas. Hal ini selari dengan hasil dapatan kajian Abdul Rasid dan Hasmah (2013) yang menyentuh penggunaan bahan bantu mengajar yang pelbagai dan terkini seperti penerapan poster bukan sahaja memperlihatkan guru berinovatif dan kreatif bahkan mampu menarik minat pelajar selain meningkatkan tahap pencapaian dan kreativiti pelajar semasa proses pengajaran penulisan karangan. Ini dapat dibuktikan dengan hasil dapatan kajian yang mendapati bahawa strategi pembelajaran yang berteraskan konvensional tidak dapat meningkatkan tahap pencapaian pelajar semasa PdPc penulisan karangan terutama dalam aspek pembentukan perenggan. Ini berikutan hasil dapatan kajian semasa ujian pra yang memperlihatkan kedua-dua kumpulan tidak terdapat perbezaan yang setara iaitu skor min ujian pra bagi kumpulan kawalan ialah 54.50 dan sisihan piawai 5.24, manakala skor min bagi kumpulan rawatan ialah 54.20 dan sisihan piawai 5.57 dengan nilai- $t(38) = 0.17, p > 0.05$ . Keputusan menunjukkan nilai signifikan 0.86 lebih besar dari aras signifikan 0.05. Oleh itu dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min tahap pencapaian pelajar terhadap kemahiran menulis karangan bagi aspek pembentukan perenggan semasa ujian pra bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Dengan itu, hipotesis nul 1 dalam kajian ini diterima. Hal ini bermaksud bahawa penggunaan pendekatan konvensional semasa proses pengajaran tidak dapat membantu pelajar untuk membentuk perenggan dengan baik sehingga tahap pencapaian pelajar dalam PdPc penulisan karangan bagi kedua-dua kumpulan pelajar berada di tahap yang sederhana. Di samping itu, dapatan kajian turut mendapati bahawa penerapan elemen poster mampu untuk meningkatkan tahap pencapaian pelajar semasa PdPc penulisan karangan dari segi pembentukan perenggan. Hal ini terbukti berdasarkan hasil dapatan kajian semasa ujian pasca yang mencatatkan skor min ujian pasca bagi kumpulan kawalan ialah 60.75 dan sisihan piawai 3.64, manakala min skor bagi kumpulan rawatan ialah 77.95 dan sisihan piawai 5.61 dengan nilai- $t(38) = -11.49, p < 0.05$ . Keputusan menunjukkan nilai signifikan 0.00 lebih kecil dari aras signifikan 0.05. Hal ini bermakna bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min

tahap pencapaian pelajar terhadap pembentukan perenggan dalam kemahiran menulis karangan semasa ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Oleh itu, hipotesis nul 2 dalam kajian ini ditolak. Dengan itu, penerapan poster semasa proses pengajaran dapat mendorong pelajar membentuk perenggan dengan baik dan tersusun malah mampu meningkatkan tahap pencapaian pelajar dalam PdPc penulisan karangan. Justeru, berdasarkan hasil dapatan kajian ini memperlihatkan keberkesanan poster bukan sahaja mendorong meningkatkan tahap pencapaian pelajar semasa PdPc penulisan karangan. Bahkan, ianya mampu untuk memberi implikasi yang positif kepada guru, pelajar, pihak sekolah serta KPM yang berteraskan FPK. Antara implikasi yang diperoleh ialah dapat memudahkan pelajar menguasai kemahiran menulis karangan dengan lengkap dan tersusun dari segi perenggan pendahuluan, isi dan kesimpulan semasa PdPc penulisan karangan. Selain itu, Anthony dan Yahya (2017) menyatakan dalam Abdul Rasid dan Hasmah (2013) bahawa penerapan elemen poster yang mempunyai ciri menarik dan terkini amat penting semasa proses pengajaran serta memperlihatkan peningkatan daya kreativiti pelajar membentuk perenggan bahkan mereka dapat menghasilkan karangan dengan baik dan berkualiti. Hal ini kerana, penggunaan poster semasa proses pengajaran penulisan karangan dapat memberi idea kepada pelajar untuk memulakan ayat disebabkan kepelbagaian bahan yang lebih bersifat terkini dan menarik.

Di samping itu, pengaplikasian poster dalam proses pengajaran penulisan karangan dapat mendorong pelajar untuk menguasai kemahiran berbahasa dengan baik yang melibatkan daya pemikiran kreatif dan kritis. Kong et al. (2017) menjelaskan pelajar yang menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik adalah pelajar yang mampu untuk menggabungkan idea-idea yang diperoleh bahan yang diaplikasikan oleh guru sehingga membentuk ayat gramatis yang lengkap dan ditulis dalam bentuk perenggan bagi menghasilkan penulisan yang berkualiti. Hal ini kerana, elemen dalam poster yang mengandungi gambar dapat merangsang pemikiran, daya ingatan dan penyusunan idea pelajar untuk diterjemahkan dalam penulisan. Justeru, setiap isi yang diolah dalam perenggan mempunyai perkaitan atau pertautan antara satu sama lain dan bertepatan dengan tajuk karangan yang diberikan oleh guru semasa PdPc penulisan karangan sehingga pelajar mampu untuk menghasilkan sebuah karangan yang baik dan berkualiti.

## **7.0 PENUTUP**

Secara kesimpulannya, strategi pembelajaran berpusatkan bahan seperti pengaplikasian poster semasa PdPc penulisan karangan dapat menunjukkan bahawa tahap pencapaian pelajar meningkat. Hal ini membuktikan pelajar bukan sahaja berjaya meningkatkan tahap pencapaian mereka bahkan, dapat menguasai kemahiran menulis karangan dengan lebih efektif dan konsisten semasa proses pengajaran penulisan karangan iaitu membentuk perenggan yang tersusun bagi setiap isi. Elemen poster dilihat lebih melibatkan pelajar semasa proses pembelajaran di dalam kelas berbanding strategi konvensional. Strategi ini sedikit sebanyak membentuk pembelajaran aktif dalam kalangan pelajar iaitu pelajar akan berkomunikasi antara satu sama lain bersama guru mahupun rakan untuk menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti dari aspek pembentukan perenggan, pengolahan isi atau idea, penggunaan kepelbagaian kosa kata serta membentuk ayat yang gramatis dan lengkap. Dengan itu, para guru perlulah sentiasa kreatif dan inovatif dalam mencari kepelbagaian bahan bantu mengajar untuk diaplikasikan semasa proses pengajaran di dalam kelas bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran menulis karangan dengan baik terutamanya dari segi pembentukan perenggan yang mempunyai pautan setiap isi atau idea.

## RUJUKAN

- Abdul Ghani Jalil. (2016). Tingkah Laku dan Proses Semasa Menulis Karangan Respons Terbuka Murid Berprestasi Rendah. *Proceeding of ICECRS*, 951-958. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 49-63.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Anthony Aloysius Akup dan Yahya Othman. (2017). Keberkesanan Peta Pemikiran dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Esei Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1): 44-55.
- Che Zanariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1): 67-87.
- Chew Fong Peng dan Rusdaine Mohamed. (2013). Keberkesanan Penggunaan Akhbar dalam Pengajaran Karangan dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 18-30.
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Husin Fateh Din dan Nazariyah Sani. (2012). *Bahasa Melayu II Akademik*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2003b). *Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kong Teck Kiong, Yahya Othman dan Zamri Mahamod. (2017). Penggunaan Peta Pemikiran I-Think dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Kategori Sekolah Kurang Murid Daerah Sibul. Dlm. Zamri Mahamod, Ramuna Mahrom, Norasyikin Md Rashid, Maz Abu Sufian Madhi, Raffi Smail dan Nor Syayaumul Qhairil Eemann Muhammad (pnyt). *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu Sabah dan Sarawak (Eksekutif) Kali Ke-6*, 231-248. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Satu Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Yusri Ibrahim. (2017). *Sembang Santai Penyelidikan*. Besut: Bandar Ilmu.
- Nawi Ismail. (2002). Masalah Ketidakterkesan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. *Pelita Bahasa*, 20(2): 22-24.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad. (2015). *Murid dan Alam Belajar: Edisi Kedua*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Noor Habsah Ali dan Yahya Othman. (2018). Strategi Pembelajaran Kemahiran Menulis Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kedua dalam Kalangan Pelajar Melanau Daerah Daro. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1): 33-41.
- Shahlan Surat, Shalinawati Ramli dan Saemah Rahman. (2013). Sumbangan Elemen Metakognitif terhadap Pencapaian Penulisan Karangan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 79-91.
- Zamri Mahamod. (2014). *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zuraini Jusoh dan Abdul Rasid Jamian. (2014). Kesan Bercerita Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan Naratif Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1): 11-18.